

# Budaya baharu warga kampus

**Kuala Lumpur:** Kebanyakan pelajar menyambut baik arahan dikeluarkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember ini manakala aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.

Bagaimanapun, menerusi kenyataan media dikeluarkan kementerian itu, baru-baru ini, KPT juga memberikan pengecualian kepada lima kategori pelajar berkeperluan untuk pulang ke kampus secara berperingkat bagi melaksanakan PdP masing-masing.

Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Shamellya Norazizi, 23, berkata beliau menyokong pelaksanaan PdP secara dalam talian terutama sebagai kaedah yang baik dalam mengekang penularan wabak COVID-19.

Beliau berkata, PdP secara dalam talian adalah norma baharu khususnya bagi warga kampus termasuk pensyarah dan pelajar, namun jika dilihat secara lebih luas, pelaksanaannya amat bertepatan ke arah menyokong kepada penerokaan penguasaan teknologi canggih dalam mengharungi Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

"Namun begitu, beberapa aspek perlu diteliti pihak terbabit berkaitan isu pengajian dalam talian ini seperti kemudahan akses internet di kawasan tertentu seperti pedalaman dan kampung atau kawasan yang

tidak mempunyai capaian internet yang baik.

"Sehubungan itu, pada pandangan saya, pihak KPT sewajarnya menyediakan beberapa kaedah penyelesaian seperti SOP (prosedur operasi standard) bagi pembelajaran dalam talian ini di mana kaedah tertentu boleh diakses pelajar dengan lebih mesra, sekali gus dapat mengurangkan permasalahan pelajar yang terbabit dalam situasi ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Yang Dipertua Akademik dan Penyelidikan MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Syahzarulnizam Ma'zin, 22, berkata semua pihak khususnya mahasiswa perlu menerokai pembelajaran secara maya secara lebih menyeluruh, apatah lagi ia menjadi antara norma baharu dalam kehidupan pelajar masa ini.

"Bagi saya, tindakan melanjutkan PdP secara dalam talian hingga hujung tahun ini adalah langkah yang amat baik bagi membendung penularan wabak COVID-19.

"Sehubungan itu, penting untuk mahasiswa menguasai segala aspek diperlukan dalam PdP secara dalam talian kerana ia telah menjadi budaya baharu khususnya bagi pelajar di seluruh dunia," katanya.

Pelajar jurusan Kejuruteraan Teknologi dan Pendidikan (Elektrik dan Elektronik), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Muhammad Iqmal Hakim Rahim, 21, pula berpendapat PdP secara dalam talian mampu meningkatkan kema-



Shamellya Norazizi



Mohamad Syahzarulnizam Ma'zin



Muhammad Iqmal Hakim Rahim

hiran pelajar dan pensyarah dalam menerokai penggunaan teknologi dengan lebih berkesan.

Beliau berpandangan, tindakan KPT mengeluarkan arahan terbabit tentunya untuk memastikan aspek kesihatan pelajar dan pensyarah terus kekal terpelihara.

"Pendidikan dalam talian juga memiliki banyak manfaat tersendiri antaranya memenuhi Pembelajaran Abad ke-21, di mana untuk menyokong hasrat kementerian bagi melahirkan lebih ramai pelajar yang berfikir secara kritis dan kreatif.

"Selain itu, pensyarah juga dapat menambah kemahiran mengajar mereka manakala pelajar dapat membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, pada masa sama pelajar tidak lagi bergantung kepada pensyarah tetapi perlu membuka minda untuk meneliti bahan pembelajaran dalam talian secara sendiri," katanya.



Kementerian Pengajian Tinggi mengumumkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga hujung tahun ini. (Foto hiasan)